

MODUL PT3

BAHAGIAN A

[25 markah]

- 1 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan tatabahasa. Gariskan kesalahan tersebut dan tulis jawapannya pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Beliau mengusahkan ternakan daging puyuh untuk pasaran setempat.

(ii) Shafiq sukakan pemandangan yang menarik di Tasik Kenyir.

(iii) "Semua peserta-peserta dikehendaki mendaftarkan nama di kaunter pendaftaran sekarang," kata Cikgu Sina.

(iv) Beg tangan yang dibeli oleh ibu dibuat dari kulit yang bermutu tinggi.

[8 markah]

- 2 Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan tersebut. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Tragidi yang menimpa pesawat MH370 dan MH17 mengejutkan seluruh rakyat Malaysia.

(ii) Kerajaan telah menyediakan peruntukkan yang besar untuk memajukan sektor pertanian.

(iii) Pulau Langkawi merupakan destinasi percutian dan istirehat yang sangat menarik untuk seisi keluarga.

[3 markah]

- 3 Tukarkan ayat aktif di bawah ini kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.

(i) Pasukan keselamatan akan sentiasa memantau perairan negeri Sabah.

(ii) Kamu masih belum menyiapkan kerja rumah itu?

